



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR

Tingkatkan keyakinan pengguna melalui amalan jualan yang beretika dan telus

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna menekankan kepentingan amalan perniagaan yang beretika dan telus ke arah meningkatkan keyakinan pengguna. Ini adalah berikutan daripada pemeriksaan rutin ke atas peserta-peserta acara Jualan Mega Brunei (JMB) 2025 baru-baru ini.
2. Pemeriksaan rutin berkenaan bertujuan sebagai peringatan untuk para peniaga bagi memastikan terma dan syarat jualan murah adalah jelas dan telus dalam membantu pengguna membuat keputusan pembelian tanpa sebarang kekeliruan atau maklumat yang kurang jelas. Para peniaga turut diingatkan untuk memaparkan tanda harga dengan jelas dan betul selaras dengan Peraturan-Peraturan Acara Harga Jualan Murah dan Perintah Paparan Tanda Harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
3. Amalan perniagaan yang beretika dan telus bukan sahaja meningkatkan keyakinan pengguna, tetapi juga menyumbang kepada persekitaran perniagaan yang dinamik dan mampan. Dengan mematuhi peraturan-peraturan dan mengamalkan amalan perniagaan yang beretika, para peniaga dapat mengekalkan reputasi sebagai peniaga yang dipercayai dan bertanggungjawab, memupuk kepercayaan pengguna dalam jangka panjang.
4. Pemeriksaan JPES merangkumi pelbagai jenis kategori perniagaan di sekitar negara ini, termasuk gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai perabot dan dekorasi rumah, kedai barang elektrik, serta kedai kain dan tekstil.
5. Kegagalan dalam mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya boleh dikenakan kompaun tidak melebihi \$1,000 dan bagi kesalahan berulang akan dikenakan denda maksimum sebanyak \$20,000 dan penjara selama 5 tahun.

6. Orang ramai adalah digalakkan melaporkan sebarang amalan jualan murah yang tidak beretika melalui saluran-saluran rasmi iaitu Talian Darussalam 123, aplikasi mudah alih PenggunaBijak, atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn, dengan menyertakan dokumen sokongan sebagai bukti. Ini adalah penting bagi membolehkan JPES untuk membuat susulan dan mengambil tindakan yang bersesuaian.

#####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (51) JPES/CAD/AKTA/Pt.12

Tarikh : 26 Ramadhan 1446 / 27 Mac 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

Boosting consumer confidence through ethical and transparent sales practices

1. The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs, underscores the importance of ethical and transparent business practices to enhance consumer confidence. This follows routine inspections conducted on participants of Jualan Mega Brunei (JMB) 2025 campaign.
2. These inspections serve as a reminder to businesses to ensure clarity and transparency in their sales terms and conditions, helping consumers make informed decisions without confusion or misinformation. Businesses are also reminded to display prices clearly and accurately in accordance with the Cheap Sale Price Regulations and the Price Display Order under the Price Control Act, Chapter 142.
3. Ethical and transparent practices not only boost consumer confidence but also contribute to a vibrant and sustainable retail environment. By adhering to these regulations and good practices, businesses can strengthen their reputation as trustworthy and responsible entities, fostering long-term consumer trust.
4. The DEPS inspections cover a wide range of retail categories across the country, including retail stores, furniture and home décor shops, electrical goods shops, as well as fabric and textile businesses.
5. Non-compliance with the Price Control Act, Chapter 142, may result in a compound fine of up to \$1,000, or for repeated offences, a maximum fine of \$20,000 and imprisonment of up to five years.

6. The public is encouraged to report any unethical sales practices through official channels - Talian Darussalam 123, the PenggunaBijak mobile application, or via email consumercomplaints@jpes.gov.bn. This enables DEPS to follow up and take appropriate action where necessary.

-2-

#####

Prepared by:

Department of Economic Planning and Statistics

Ministry of Finance and Economy

Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (51)JPES/CAD/AKTA/Pt.12

Date : 26 Ramadhan 1446 / 27 March 2025